

Soalan 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 10 Pemilihan peserta ke pertandingan forum peringkat kebangsaan dibuat adalah berdasarkan kepada keputusan markah peringkat daerah.
- A berdasarkan keputusan
 - B ialah berdasarkan keputusan
 - C adalah berdasarkan keputusan
 - D adalah berdasarkan kepada keputusan

Soalan 11

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 11 Gempa bumi yang sering berlaku di pulau peranginan itu menyebabkan pelancong asing enggan berkunjung ke situ.
- A Gempa bumi di pulau peranginan itu sering berlaku kerana tidak dikunjungi pelancong asing.
 - B Pelancong asing gemar berkunjung ke pulau peranginan yang sering dilanda gempa bumi.
 - C Pulau peranginan itu dihindari oleh pelancong asing kerana kerap dilanda gempa bumi.
 - D Pulau peranginan itu sering dikunjungi oleh pelancong asing kerana jarang dilanda gempa bumi.

Soalan 12 – 13

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 12 I Gigi Halina yang jarang-jarang itu menyebabkan cita-citanya untuk menjadi seorang model terbantut.
- II Halaman rumah yang dipenuhi dengan daun kering telah disapu oleh saya sebentar tadi.
- III Pasukan bola sepak Johor yang muncul juara perlawanan akhir Piala Malaysia 20__ telah dibawa berarak di dalam sebuah bas yang tidak berbumbung.

IV Arif terpesona apabila melihat segugus bintang berkerdipan di langit pada malam itu.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

- 13 I Semua sayur-mayur yang dijual di pasar itu segar-bugar belaka.
- II Ibu membekalkan sesikat pisang untuk ayah dan abang yang pergi menebas lalang di kebun.
- III Daneng telah membelikan oleh-oleh yang cukup istimewa dari Paris untuk ibu kesayangannya.
- IV Budak-budak lelaki itu pernah bermain bola di padang walaupun hujan semakin lebat.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 14 – 15

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 14 Pekerja asing yang datang bekerja ke Malaysia perlulah menghormati undang-undang di negara ini dan tidak melanggar nilai dan norma masyarakat setempat.

Pernyataan di atas sesuai dengan peribahasa

- A berpantang maut sebelum ajal.
- B sudah terhantuk baru tengadah.
- C ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.
- D masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.

- 15 Peribahasa yang berikut mempunyai kaitan rapat dengan semangat perpaduan dan kerjasama yang erat, **kecuali**

- A bagai aur dengan tebing.
- B biar putih tulang, jangan putih mata.
- C ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.
- D bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat.